

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	06 JUNE 2017

Menang perang ideologi kekang ancaman keganasan: PM

BH - 6/6/2017 pg. 6

Putrajaya: Menangani ancaman keganasan tidak hanya bergantung kepada keupayaan peralatan dan pasukan keselamatan sahaja, sebaliknya perlu juga dimenangi menerusi perang ideologi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri menegaskan, tragedi keganasan di beberapa negara sejak akhir-akhir ini adalah satu ancaman serius yang tidak boleh dipandang remeh, malah lebih menyedihkan kerana turut membabitkan kehilangan banyak nyawa.

“Apa yang berlaku di Kabul, Manchester, London, Marawi, Manila dan Jakarta amat menyedihkan kita semua. Alhamdulillah, setakat ini tidak berlaku di negara kita.

“Kita nak memerangi ancaman ini bukanlah dengan alat, bala tentera, polis atau kuasa penangkapan sahaja, tapi lebih

kepada hendak memenangi perang ideologi... untuk mereka memahami apakah Islam sebenar dan apakah tuntutan Islam kepada kita,” katanya berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Tak perlukan individu berpura-pura

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, yang turut dilantik sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas pada April lalu.

Memetik ayat al-Quran dalam surah Al-Baqarah, Najib mengesyorkan peringatan Allah SWT sebagai panduan untuk menjadikan negara ini aman dan sentiasa mendapat rahmat supaya dapat menjalankan tugas bagi membangunkan Malaysia demi kesejahteraan rakyat.

Katanya, Malaysia tidak me-



Kita nak memerangi ancaman ini bukanlah dengan alat, bala tentera, polis atau kuasa penangkapan sahaja, tapi lebih kepada hendak memenangi perang ideologi untuk mereka memahami apakah Islam sebenar dan apakah tuntutan Islam kepada kita”

Najib Razak,
Perdana Menteri

merlukan golongan yang berpura-pura melakukan kebaikan tetapi membawa kerosakan dan beliau turut menyentuh mengenai penubuhan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman, yang disifatkan satu kejayaan buat Malaysia.

Ekonomi negara berkembang pesat

Malaysia dan Arab Saudi bersejajarnya menubuhkan pusat itu bagi membanteras naratif yang dikeluarkan pihak radikal dan ekstremis, ketika lawatan sulung Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al Saud, ke Malaysia Februari lalu.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, momentum ekonomi negara yang berkembang pada kadar memberangsangkan perlu berkesinambungan bagi membolehkan segala sasaran kerajaan mampu dicapai terutama

bagi tahun ini yang dijadikan tahun penyampaian.

“Pencapaian ekonomi pada suku pertama tahun ini mencatat prestasi membanggakan dengan pencapaian ekonomi di luar jangkaan iaitu pertumbuhan 5.6 peratus, malah bagi Mac sahaja, nilai eksport negara buat kali pertama dalam sejarah mencatat RM82.83 bilion, selain Malaysia turut diiktiraf sebagai destinasi pelaburan terbaik 2017.

“Prestasi ekonomi pada suku pertama mencatat pencapaian yang membanggakan dan ia perlu diteruskan sebagai momentum untuk maju ke hadapan.

“Sebagai kerajaan, kita mampu mencapai segala sasaran kita, kita tidak buat janji kosong, tidak buat sesuatu yang tak mungkin dapat dilakukan, kita sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, bila kita janji, kita akan tepati,” katanya.